


SALWANI MD ZAIN salwani@sinarharian.com.my FOTO: Ihsan UPM

Persediaan ke alam pekerjaan

LATIHAN ini perlu dilalui sebelum bergelar graduan. Ia penting sebagai persediaan awal mental dan fizikal sebelum ke alam pekerjaan. Ia juga memperluaskan kemahiran serta pengalaman. Tempoh antara tiga hingga enam bulan itu, adalah masa yang sesuai mendalami bidang kerja.

Di kelas kita mempelajari teori, tutorial tetapi medan praktikalnya adalah di luar. Mereka perlu mengaplikasikan semua ilmu untuk menyesuaikan diri dengan sekeliling dalam banyak aspek antaranya penampilan diri, teknik pengucapan awam, pengurusan diri dari segi emosi dan lain-lain. Jika gagal dalam perkara ini maka akan mendatangkan kesusahan kepada mereka untuk berada di alam kerja nanti.



MUHAMMAD AZMIL ABU SEMAN PENUNTOT PENGAJIAN QURAN DENGAN MULTIMEDIA UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)

Melahirkan SUMBER

Keperluan tenaga kompeten

Latihan industri (LI) banyak memberi pelajar peluang pembelajaran di dunia pekerjaan. Ia disebut juga pengalaman praktikal berupaya mempertingkatkan kebolehpasaran dan pendedahan amalan kerja dalam bidang pengkhususan. Teori yang dipelajari di bilik kuliah lebih jelas setelah mereka melalui tugas tersebut di tempat latihan. Kerjasama yang baik antara penuntut dan organisasi terlibat menjadikan perkongsian pengalaman berharga bagi mereka, selain menimba ilmu yang mungkin tidak setara dengan apa yang disampaikan oleh pensyarah.

Kebolehan menjalankan tugas seperti yang diamanahkan juga mampu menarik minat majikan untuk menyerap masuk penuntut sebagai pekerja tetap. Baik majikan, mahupun penuntut itu sendiri, latihan ini membawa manfaat bersama untuk mengisi keperluan tenaga kerja.

Membincangkan isu ini dan baik buruknya, wartawan *Kampus*, mendapatkan beberapa maklum balas daripada siswa-siswi dan pensyarah serta majikan. Kupasan menarik daripada semua pihak ini, bertepatan dengan penekanan yang digariskan di bawah dasar latihan industri institusi pengajian tinggi yang dikeluarkan Kementerian Pendidikan sejak beberapa tahun lalu.



ISU KAMPUS

Timba pengalaman berharga

LATIHAN industri penting dan masih rasional untuk dijalankan kerana melibatkan pertukaran ilmu yang diajar secara teori kepada praktikal. LI mempersiapkan pelajar untuk mengetahui cabaran dunia luar. Pengalaman saya hanya menjalani LI selama dua bulan, sudah banyak pendedahan dan ilmu baharu dipelajari.



Berdasarkan pengalaman latihan yang ditawarkan mengikut bidang yang dipelajari. Kemahiran yang ditimba daripada LI memudahkan penawaran mengisi kekosongan jawatan. Nilai tambah sangat banyak, kami diajar selesai masalah dengan pantas, ilmu teori itu perlu ditukarkan kepada praktikal yang secara keseluruhannya berbeza mengikut situasi.

Pelajar juga mampu menguasai komunikasi dan membina keyakinan dalam diri kerana suasana kerja yang baru memerlukan kita berhadapan dengan mereka yang telah berpengalaman bertahun lamanya.

SYARIFAH NURJANNAH SYED ZAINOL ABIDIN PENUNTOT UPM, SERDANG

Manfaat untuk pelajar dan majikan



SECARA rasionalnya latihan industri amat penting kepada pelajar, khususnya penuntut di Usim, kerana ia memberi pendedahan kepada dunia pekerjaan.

Saya bagi contoh senario di Usim, latihan ini diwajibkan ke atas penuntut lama empat bulan dan ini sudah mencukupi bagi mereka memanfaatkan dan mengumpul pengalaman sebelum menempuh alam pekerjaan sebenar.

Walau bagaimanapun, pelajar boleh juga melanjutkan tempoh melebihi empat bulan jika kedua-dua pihak bersetuju. Berkenaan mahasiswa yang memohon untuk mengadakan latihan industri itu terus diserap ke bahagian berkaitan, statistik yang tepat tiada, cuma sumber dari Kementerian Pendidikan menunjukkan sebanyak 71 pelajar biosiswatelelah

mendapat pekerjaan pada masa konvokesyen baru-baru ini.

Latihan atau kerja yang ditawarkan kepada mereka mengikut bidang yang dipelajari bertepatan keperluan majikan. Pihak universiti sebolehnya cuba meletakkan pelajar-pelajar latihan industri dalam organisasi yang relevan dengan program pengajian mereka.

Hal ini untuk kemudahan mereka di samping mengisi keperluan yang ada. Sudah tentu pelbagai nilai tambah diperolehi selepas tamat latihan. Kesan ketara adalah kemahiran komunikasi lebih baik, penguasaan bahasa selain bahasa ibunda, pembangunan kepimpinan dan memahami lebih mendalam selok-belok sesebuah organisasi.

PENGARAH PUSAT HUBUNGAN INDUSTRI DAN PENGKOMERSIALAN USIM PROFESOR MADYA DR. AWANGKU ABDUL RAHMAN AWANGKU YUSSUF

Alam pekerjaan menuntut komitmen tinggi

KAMI adalah organisasi yang membuka peluang kepada siswa-siswi mendalami kepakaran dalam bidang berkaitan sektor swasta.

Setiap tahun syarikat dianggarkan menerima lima hingga 10 pelajar dari pelbagai bidang dan institusi yang ditempatkan mengikut bidang.

Sebagai organisasi yang fokus kepada bidang penerbitan dan percetakan, kami meletakkan latihan industri sebagai tanggungjawab sosial korporat dalam membantu golongan pelajar mendapat pendedahan sebenar alam pekerjaan.

Kami yakin, dengan keupayaan yang ada, banyak pengalaman berguna yang mampu diserap, terutama dalam penerbitan buku, majalah dan surat khabar.

Syarikat tidak meletakkan syarat untuk mereka menjalani latihan, asalkan bertepatan dengan industri, begitu juga tempoh. Masa terbaik adalah empat hingga enam bulan atau tiga bulan sudah memadai. Elaun juga disediakan. Ketika menjalani latihan, pelajar

seharusnya fokus dengan tugas, ini penting dalam menjamin produktiviti dan mengasah kemahiran. Tanamkan nilai semangat bekerja yang tinggi, belajar sesuatu daripada pengalaman. Jika tamat belajar dan tidak mampu mengisi kekosongan di sektor awam dan swasta, boleh persiapkan diri untuk terlibat dalam bidang keusahawanan.

Syarikat juga tidak akan memberi tugas yang di luar kemampuan kerana kami tahu mereka masih dalam pengajian. Namun pelajar juga mestilah lebih bersikap *multitasking*. Banyak nilai tambah, terutama persekitaran dan suasana kerja.

Pelajar mungkin terdedah dengan *deadline* tugas, namun alam kerja lebih mendedahkan mereka dengan cara penyelesaian, bertindak matang dan komitmen tinggi.

Pelajar juga harus lebih sedia menghadapi tekanan. Alam kerja lebih menuntut kepada persediaan fizikal dan mental.

PENGURUS BESAR (JABATAN SUMBER MANUSIA) KUMPULAN MEDIA KARANGKRAF AHMAD NAZRI MOHD NOOR

LI perlu ketahanan mental, fizikal

PROGRAM ini sangat penting kerana mereka akan mempelajari banyak ilmu berkaitan kerjaya dalam bidang masing-masing.

Ia juga salah satu cara melengkapkan diri sebagai graduan cemerlang dan berpotensi tinggi dalam menjalankan tanggungjawab apabila memasuki medan pekerjaan.

Sebelum melangkah ke latihan industri pelajar seharusnya melengkapkan diri mereka dalam pelbagai aspek sama ada dokumentasi sehinggalah fizikal, mental, emosi dan spiritual.

Persediaan sebelum latihan industri:-

- Pelajar seeloknya meninjau organisasi dengan melakukan sedikit kajian sama ada bersesuaian atau tidak dengan bidang yang dipelajari.

Persediaan semasa latihan industri:-

- Persiapan mental dan emosi perlu dibuat rapi kerana dalam dunia pekerjaan pelajar akan menghadapi pelbagai dugaan. Ilmu-ilmu berkaitan *softskill* yang dipelajari di IPT seharusnya digunakan sebaik mungkin semasa menghadapi situasi ini.

Persediaan selepas latihan industri:-

- Selepas menjalani LI, tunjukkan budaya menghormati dan berterima kasih

Antara tip yang boleh diamalkan pelajar ketika menjalani LI ialah:

- Membina hubungan mesra (peramah) antara penyelia dan staf
- Menjalankan tugas dengan penuh semangat
- Selalu bertanya penyelia jika tidak berupaya memahami
- Tidak melawan atau meninggi suara dengan penyelia

- Sentiasa menghulurkan bantuan jika diperlukan
- Sentiasa berupaya menyiapkan tugas secepat mungkin dan tidak menengguhkan
- Menganggap diri seolah-olah berada dalam dunia pekerjaan sebenar dan sedia terima tugas dengan penuh komitmen
- Menghayati nilai integriti sebagai seorang pekerja
- Memberikan ucapan penghargaan (terima kasih) kepada penyelia pada hari mendaftar dan tamat latihan praktikal

Mereka seharusnya mematuhi segala peraturan di tempat latihan sebagaimana mendisiplinkan di di IPT. Tidak boleh jadikan tempat latihan industri sebagai medan lepas stres dan perbuatan negatif.

Menerapkan sikap positif, ringan tangan menghulurkan bantuan dan bijak dalam menyelesaikan masalah adalah tunjang personaliti cemerlang yang harus ditunjukkan kepada majikan atau penyelia supaya mereka berasa senang hati mendapat pekerja yang cemerlang dan tidak mustahil penilaian kepada pelajar tersebut akan cemerlang dari mendapat penghargaan daripada penyelia.



MOHD AFANDI MUSTAPHA PEGAWAI PSIKOLOGI POLITEKNIK MUADZAM SHAH, PAHANG

Lebih faham bidang kerja

LATIHAN industri beri kesan kepada pengalaman. Dalam tempoh empat bulan diperuntukkan banyak mengajar erti kesabaran selain bidang kerja yang sebenar iaitu seni bina.



Saya akui, di bilik kuliah tumpuan hanya kepada teori, dan bila berada di lapangan, saya dapat mempraktikkan segala kemahiran sambil banyak bertanya kepada abang-abang yang sememangnya terdedah dengan budaya kerja seni bina setiap hari.

Organisasi ini begitu bertepatan dengan bidang yang saya pelajari. Banyak juga nilai tambah yang saya garap dari segi mutu kerja, penampilan ke tempat kerja, budaya dan pergaulan antara inti pati berharga yang saya akan ingat sampai bila-bila.

Namun, ada kalanya saya terpaksa akur jika ada kerja-kerja sampingan yang diarahkan seperti membuat salinan, atau tugas 'budak pejabat'. Saya terima situasi itu sebagai proses pembelajaran. Baru saya sedar alam kerja dan belajar begitu ketara.

MUHAMMAD SAIFUL RIZWAN ABDUL RAHMAN PENUNTOT POLITEKNIK SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH (POLIMAS), Jitra, Kedah

Konsep WBL lebih efektif

KE arah melahirkan pelajar mahir dalam industri, Politeknik Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah, Shah Alam mewujudkan *work based learning* (WBL), khas kepada penuntut Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Elektrik Perubatan) dengan kepujian dan Diploma Lanjutan Kejuruteraan Elektronik (Perubatan).

Program ini dilaksanakan selepas pelajar menjalani latihan industri dan ia lebih berkesan dalam memberi pendedahan sebenar kepada alam kerjaya kerana ia melibatkan kerjasama langsung daripada beberapa syarikat berkaitan industri.

Dalam tempoh WBL ini penuntut diperuntukkan selama satu tahun berada di organisasi yang dipilih dan untuk dua program ini, mereka

akan ditempatkan di hospital, yang sememangnya lokasi terbaik untuk mendalami bidang yang dipelajari.

Latihan industri tidak begitu mendalam seperti WBL, dengan adanya WBL, pelajar lebih mahir, kerana fokus yang diberikan tertumpu pada latihan, dan dianggarkan lebih 85 peratus pelajar yang menjalani WBL diterima di organisasi yang mereka sertai.

Dari segi respons majikan pula, kehadiran pelajar WBL boleh meningkatkan kos dari segi tenaga kerja berkemahiran.

Ia juga memudahkan mereka untuk bersaing secara sihat dengan pasaran kerja dalam bidang dan industri yang mereka ceburi.

DR ZUNUWANAS MOHAMAD PENSYARAH POLITEKNIK

Perlu bijak rebut peluang

LATIHAN industri adalah platform untuk pelajar didedahkan kepada alam pekerjaan sebenar sambil mempraktikkan pengetahuan secara teori kepada amalan serta meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang profesion masing-masing. Tidak cukup dengan itu sahaja, LI juga bertujuan melahirkan pelajar yang kompetensi dan kemahiran generik yang diperlukan majikan. Tempoh tiga ke enam bulan adalah wajar untuk mendalami pengalaman dan pendedahan.

Berdasarkan pengalaman menyelia penuntut dari Pusat Pengajian Media & Komunikasi UKM, ada yang terus diserap bekerja. Tahun lepas saya menyelia lapan penuntut di Media Prima Bhd dan



dalam bidang tersebut. Latihan industri juga medan untuk melihat sejauh mana pelajar menilai kematangan dalam menempuh fasa baharu dalam kehidupan.

HASRUL HASHIM PENSYARAH PUSAT PENGAJIAN MEDIA & KOMUNIKASI FAKULTI SAINS SOSIAL & KEMANUSIAAN, UKM

Pilih latihan mengikut bidang

SELAMA kita belajar dalam kampus, apa yang kita pelajari hanyalah teori semata-mata. Pendedahan terhadap pengaplikasian teori itu hanya boleh didapati bila kita sendiri mempraktikkan apa yang dipelajari dalam industri sebenar.

Disebabkan itu, LI sangat penting dari segi pendedahan, di samping beri peluang kepada mahasiswa untuk mengetahui suasana kerja dalam industri. Untuk tujuan pendedahan dan pengalaman, enam bulan sudah mencukupi. Dunia industri berbeza berbanding dunia universiti. Dengan pendedahan suasana, jadual bekerja, berjumpa dengan orang pelbagai latar belakang dan pendidikan serta



angkat, pelajar yang selama ini hanya bergaul dalam kalangan penuntut, pensyarah dan pejabat fakulti sahaja, sememangnya perlu menyesuaikan diri dan yang paling

penting, mempunyai pendirian teguh untuk membawa diri. Saya memilih AirAsia Berhad (AAB) kerana ia syarikat Malaysia yang mempunyai prospek yang membangunkan dalam bidang penerbangan. Saya juga merupakan pelajar Sarjana Muda Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko, dan sangat berminat dalam bidang pengurusan risiko kewangan. Saya dapat tahu AAB mempunyai satu pasukan yang menguruskan risiko kewangan dan alhamdulillah, ALLAH izinkan saya untuk menjalani latihan industri bersama AAB dalam Group Finance and Strategy selama empat bulan.

MUHAMMAD SAIFWAN HAMDY PENUNTOT USIM